

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN  
HAMIDI [ BAGAN DATUK ]**

**SOALAN : Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi  
[ Bagan Datuk ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sejauh  
manakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam membantu nasib  
kaum Rohingya yang tertindas di Myanmar, penghapusan Etnik Uighur di  
China dan pencabulan hak asasi manusia bagi rakyat Palestin oleh rejim  
Zionis.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Datuk atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia, sebagai anggota komuniti antarabangsa yang prihatin terhadap promosi dan perlindungan hak asasi manusia sejagat, sentiasa melibatkan diri secara aktif dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan dan dalam perbincangan serta proses perundingan draf resolusi yang berkaitan dengan hak asasi manusia bagi etnik Rohingya di Myanmar dan rakyat Palestin menerusi platform Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Persidangan Agung PBB, dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

3. Baru-baru ini di Sesi ke-40 Majlis Hak Asasi Manusia, PBB, saya telah mengutarakan isu Rohingya dan menyeru agar komuniti antarabangsa mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan isu Rohingya dengan segera. Saya telah menggariskan betapa pentingnya proses repatriasi dilaksanakan dengan segera, secara sukarela, selamat dan bermartabat. Isu repatriasi pelarian Rohingya ini merupakan perkara paling mendesak mengambil kira situasi daif di kem-kem pelarian di Cox's Bazar, Bangladesh dan adalah tidak wajar keadaan ini berterusan. Saya juga menggariskan kepentingan pemberian taraf kewarganegaraan kepada penduduk-penduduk Wilayah Rakhine yang beretnik Rohingya demi menjamin keselamatan dan hak-hak mereka sebagai rakyat Myanmar.

4. Dari segi bantuan kemanusiaan yang dihulurkan kepada etnik Rohingya, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk meneruskan perkhidmatan hospital medan (*field hospital*) di Cox's Bazar, Bangladesh sehingga akhir tahun ini. Hospital ini telah menjadi salah satu pusat rujukan perkhidmatan kesihatan utama di kawasan tersebut di mana pakar-pakar daripada Malaysia telah memberikan bantuan kesihatan kepada pelarian dan juga warga tempatan Bangladesh.

5. Malaysia juga telah menghantar misi bantuan kemanusiaan di bawah penyelarasan Kerajaan hampir 100 tan berbentuk barangan keperluan untuk dimanfaatkan oleh pelarian etnik Rohingya di Bangladesh. Di peringkat ASEAN pula, Malaysia telah menghulurkan bantuan tambahan kepada Myanmar sebanyak USD 100,000 menerusi *ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance (AHA Centre)* untuk memperoleh peralatan-peralatan dan keperluan pelarian Rohingya yang akan pulang ke Wilayah Rakhine.

6. Malaysia juga memainkan peranan yang aktif di platform OIC melalui keanggotaannya dalam Kumpulan Perhubungan OIC Mengenai Orang Islam Rohingya di Myanmar (*OIC Contact Group Meeting on the Rohingya Muslims in Myanmar*) dan juga Jawatankuasa Sementara Mengenai Akauntabiliti Terhadap Pencabulan Hak Asasi Manusia Ke Atas Etnik Minoriti Rohingya (*OIC Ad Hoc Committee on Accountability for Human Rights Violations against Rohingya*). Melalui Jawatankuasa ini, Malaysia telah menggesa Kerajaan Myanmar untuk mematuhi undang-undang antarabangsa, menghentikan tindakan ketenteraan terhadap Rohingya serta memastikan penyampaian bantuan kemanusiaan kepada Rohingya tidak dihalang.

7. Bagi isu Palestin pula, Malaysia adalah ahli anggota Jawatankuasa Enam OIC Mengenai Palestin (*OIC Committee of Six on Palestine*) dan juga Kumpulan Perhubungan dalam Mempertahankan Perjuangan Palestin dan Al-Quds Al-Sharif (*OIC Contact Group on Defending the Cause of Palestine and Al-Quds Al-Sharif*). Melalui dua platform ini, Malaysia sentiasa lantang dalam mengetengahkan permasalahan yang dihadapi oleh Palestin dan rakyatnya termasuk memperjuangkan status Baitul Maqdis sebagai ibu negara Palestin dan memelihara kesucian Masjid Al-Aqsa.

8. Malaysia juga telah menaja beberapa resolusi mengenai situasi hak asasi manusia yang semakin merosot di Palestin. Terkini, Malaysia telah menaja bersama resolusi menerusi platform OIC bertajuk "*The right of the Palestinian people to self-determination*" semasa Persidangan Agung PBB yang ke-73 pada 17 Disember 2018. Resolusi tersebut menyeru, antara lain, supaya perhatian diberi kepada maklum balas daripada

Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice*) yang menyentuh mengenai penggunaan hak penentuan diri bagi rakyat Palestin di dalam isu pembinaan tembok di wilayah Palestin yang Ditakluki (*Occupied Palestinian Territory – OPT*).

9. Pada tahun 2018 Malaysia telah memberi bantuan sebanyak USD120,000.00 kepada Palestin untuk membeli peralatan pembedahan serta telah menyumbang sebanyak USD268,000.00 kepada tabung *United Nations Relief and Works Agency for Palestinian Refugees in the Near East* (UNRWA).

10. Kerajaan mengambil pendirian tegas dengan mengutuk sekeras-kerasnya segala bentuk penindasan ke atas mana-mana kumpulan etnik atau minoriti, selagi mana perjuangan hak asasi mereka berpaksikan kepada undang-undang dan perlembagaan negara berkenaan. Malaysia mengambil maklum bahawa isu kaum etnik minoriti Uighur di Wilayah Xinjiang, China telah mendapat liputan meluas, baik di dalam mahupun di luar negara.

11. Oleh itu, pihak Kementerian Luar Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan pertemuan dengan pihak Kedutaan Besar China di Kuala Lumpur bagi menzahirkan rasa prihatin rakyat Malaysia terhadap isu ini. Dalam pertemuan tersebut juga, pihak Kementerian Luar Negeri turut menyarankan agar pihak Kedutaan Besar China di Kuala Lumpur mengambil langkah-langkah yang wajar bagi menjelaskan pendirian Kerajaan China kepada semua pihak yang berkepentingan di Malaysia dalam isu ini. Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia akan sentiasa memantau keadaan di wilayah berkenaan.

Sekian, terima kasih.